



KENYATAAN TENDER

(KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DATARAN PUTRA, LAMAN PERDANA, JAMBATAN PUTRA, TEMPAT LETAK KERETA B13, PROMENADE DATARAN PUTRA DAN KAWASAN SEKITARNYA DI PRESINT 1, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA BAGI TEMPOH TIGA PULUH ENAM (36) BULAN (NO. TENDER: PPJ/JPB/T/0016/2026)

- 1. Tender adalah dipelawa daripada **Kontraktor/Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
- 2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT / LAWATAN TAPAK	MAKLUMAT JUALAN DOKUMEN	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TUTUP TENDER
Kontraktor CIDB dengan syarat-syarat berikut: Gred: G6 Kategori: F Pengkhususan : F01 (Fasiliti Bangunan dan Infrastruktur Am) Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk taraf Bumiputera. Memiliki sijil SCORE CIDB yang masih sah pada tarikh tutup tender dengan minimum dua (2) bintang. DAN Surat Kebenaran Khas dari CIDB adalah TIDAK DIBENARKAN.	<u>TAKLIMAT</u> 7 September 2026 (Isnin) 10:00 pagi Bilik Mesyuarat Cemara, Aras C5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya. <u>LAWATAN TAPAK</u> 7 September 2026 (Isnin) Dataran Putra, Presint 1 (DIWAJIBKAN)	<u>TEMPOH JUALAN</u> 9 September 2026 (Rabu) sehingga 23 September 2026 (Rabu) Jualan dokumen secara atas talian melalui laman web https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage <u>HARGA DOKUMEN & KAEDAH BAYARAN</u> Ringgit Malaysia RM300.00 (Tidak dikembalikan) Bayaran secara atas talian melalui laman web https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage	30 September 2026 (Rabu) 12:00 tengah hari Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

- 3. Kontraktor/Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender dan menyemak Dokumen Meja Tender di pautan berikut <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>.
- 4. Taklimat tender dan lawatan tapak akan diadakan pada **7 September 2026 (Isnin), 10.00 pagi** di **Bilik Mesyuarat Cemara, Aras C5, Kompleks Perbadanan Putrajaya**. Kehadiran pemilik/pengarah syarikat atau pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam SPKK ke sesi taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama Sijil PPK, SPKK/Sijil PUKONSA/Sijil UPKJ, STB, Sijil SCORE CIDB dan Cap Syarikat.
- 5. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri **taklimat dan lawatan tapak** tersebut.
- 6. Tender ini akan ditutup pada **30 September 2026 (Rabu), jam 12:00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender. Dokumen yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan, pada tarikh yang ditetapkan bermula jam 8.00 pagi sehingga jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang lewat dikemukakan tidak akan dipertimbangkan.
- 7. Kontraktor/Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan.

PERHATIAN:

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai tender **dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak)**. Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibenarkan untuk **membeli dokumen tender**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat spp@ppj.gov.my untuk sebarang pertanyaan.